

Tarikh Dibaca: 04 JAN 2019M / 27 RABI'UL AKHIR 1440H



KHUTBAH JUMAAAT

Tajuk:

**“TAHUN BERUBAH, BERUBAHKAH
KITA?”**

*Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*

**SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR**

1. **SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. **Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar** (Ahli)
**Mantan Timbalan Pengarah,
Jabatan Agama Islam Selangor**
3. **Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian Pengurusan Masjid,
Jabatan Agama Islam Selangor** (Setiausaha)
4. **SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)
**Timbalan Mufti,
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
5. **Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
6. **Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor
7. **Tuan Haji Abdul Haleem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)
**Ketua Penolong Mufti (Fatwa),
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
8. **Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
9. **Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran** (Ahli)
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor
10. **Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor
11. **Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
12. **Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urus Setia)
**Penolong Pengarah (Unit Khutbah)
Bahagian Pengurusan Masjid**



"TAHUN BERUBAH, BERUBAHKAH KITA?"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ : إِقْرَبَ لِلنَّاسِ حِسَابُهُمْ وَهُمْ فِي غَفْلَةٍ

¹ مُعْرِضُونَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا
الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِنُكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقَوْيُ اللَّهَ
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَّقِهَا الَّذِينَ ءامَنُوا
اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi Allah, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT secara istiqamah dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Semoga dengan meningkatnya keimanan dan ketakwaan itu, akan menjadi nilai tambah kepada diri kita untuk menjadi mukmin sejati.

Mimbar Jumaat ingin mengajak muslimin menghayati khutbah bertajuk "**TAHUN BERUBAH, BERUBAHKAH KITA?.**"

¹ Al-Anbia' : 1.



Hadirin sidang Jumaat yang dimuliakan,

Kita baru sahaja memasuki tahun baharu 2019 miladi. Pastinya pelbagai peristiwa suka dan duka mungkin telah dilalui pada tahun 2018 yang lalu. Persoalannya, bagaimana prestasi amalan kita sepanjang tempoh 365 hari yang telah berlalu itu? Sejauhmana pula kita memanfaatkan umur yang telah kita habiskan? Adakah kita telah melaksanakan semua perintah Allah? Ataupun kita terus terleka, terlalai dan terpedaya dengan nikmat dunia yang sementara?

Hadis daripada Ibnu Abbas Radhiallahu Anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

نِعْمَتَانِ مَغْبُونٌ فِيهَا كَثِيرٌ مِّنَ النَّاسِ الصِّحَّةُ
وَالْفَرَاغُ

"Terdapat dua nikmat yang yang ramai manusia rugi padanya, iaitu nikmat sihat dan masa lapang".

(Riwayat al-Bukhari).

Semoga kedua-dua nikmat tersebut tidak merugikan kita, tetapi di manfaatkan untuk mencari seberapa banyak bekalan yang akan dibawa bertemu Pencipta. Semoga hari-hari yang mendatang ini dapat memberi faedah kepada kehidupan kita semua.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Setiap tahun pasti dalam kalangan kita telah menetapkan pelbagai azam. Justeru, bersempena tahun baharu ini, beberapa panduan bagaimana untuk memulakan perubahan dalam diri agar azam yang ditetapkan dapat dicapai dengan berkesan untuk diambil tindakan.



PERTAMA; MUHASABAH DIRI

Kita hendaklah menilai sejauh mana pencapaian dan tanggungjawab diri kita terhadap Allah. Adakah meningkat atau menurun prestasi amalan, kualiti keimanan dan ketakwaan kita kepada-Nya. Allah SWT mengingatkan kita melalui Firman-Nya dalam surah al-Hasyr ayat 18:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَانُكُمْ أَتَقُولُونَ إِنَّمَا مَا قَدَّمْتُ لِغَدٍ
وَأَتَقُولُوا إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari Akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat meliputi pengetahuannya akan segala yang kamu kerjakan."

KEDUA; BERAZAM

Kita perlulah meletakan azam untuk menambah baik kehidupan setiap masa semata-mata kerana Allah SWT. Sebagai individu muslim, marilah kita berazam untuk meraih seberapa banyak ganjaran dan keredhaan Allah SWT. Adakah kualiti solat fardhu dan sunat kita meningkat? Adakah kita banyak melakukan infaq, sedekah dan wakaf? Adakah kita berbuat baik sesama manusia? Adakah kita sentiasa solat berjemaah di masjid atau di surau? Adakah kita istiqamah hadir ke majlis-majlis ilmu? Adakah kita telah meninggalkan segala bentuk maksiat dan larangan Allah?

Tanamkanlah azam yang baik semata-mata kerana Allah dan mencari keredhaan-Nya untuk mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat.



KETIGA; PERANCANGAN

Setiap azam yang telah di tetapkan, hendaklah di susuli dengan perancangan yang teratur termasuk strategi atau pendekatan yang digunakan serta sumber untuk menggerakkannya supaya memberi impak yang terbaik. Setiap perancangan yang dilaksanakan itu, hendaklah menepati syariat Allah SWT.

Hadis daripada Abdullah bin Amru Radhiallahu Anhuma bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدٌ كُمْ حَتَّىٰ يَكُونَ هَوَاهُ تَبَعًا لِمَا جِئْتُ

بِهِ

"Tidaklah beriman salah seorang dari kalian sehingga hawa nafsunya mengikuti apa yang telah aku bawa."

(Riwayat al-Baihaqi).

Hadirin yang dirahmati Allah,

KEEMPAT; PELAKSANAAN

Sesuatu perkara yang telah dirancang hendaklah di laksanakan dengan bersungguh-sungguh sehingga kita berjaya mencapai cita-cita atau azam yang telah di tetapkan. Islam memandang berat kepada umatnya yang tidak melaksanakan apa yang di perkatakannya. Firman Allah SWT dalam surah As-soff ayat 2 hingga 3:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَمْ تَقُولُوْنَ مَا لَا تَفْعَلُوْنَ ﴿٢﴾
مَقْتَأً عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُوْنَ ﴿٣﴾



"Wahai orang-orang yang beriman! mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya! Amat besar kebenciannya di sisi Allah - kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya."

Setelah kita berazam dan merancang, tidak sepatutnya kita bertangguh melaksanakan sesuatu perkara yang membawa kepada kebaikan seperti solat, taubat, sedekah dan urusan-urusan harian. Ini kerana kita tidak mengetahui apa yang akan berlaku sesaat di hadapan kita.

AKHIRNYA YANG KELIMA; ISTIQAMAH

Untuk mengekalkan sesuatu yang telah kita miliki, pasti akan mendepani pelbagai cabaran. Justeru, khatib ingin mengajak umat Islam agar sentiasa istiqamah dalam melaksanakan ketaatan kepada perintah Allah serta kesabaran dalam meninggalkan larangan-Nya. Sentiasalah berdoa semoga kita akan terus istiqamah terhadap perubahan ke arah kebaikan dan sentiasa memperolehi petunjuk Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam surah Hud ayat 112:

فَاسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتَ وَمَنْ تَابَ مَعَكَ وَلَا تَطْغَوْا إِنَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

"Oleh itu, hendaklah Engkau (Wahai Muhammad) sentiasa tetap teguh di atas jalan yang betul sebagaimana yang diperintahkan kepada-Mu, dan hendaklah orang-orang yang rujuk kembali kepada kebenaran mengikutmu berbuat demikian; dan janganlah kamu melampaui batas hukum-hukum Allah; Sesungguhnya Allah Maha melihat akan apa yang kamu kerjakan."

Sebuah hadis daripada Abu Amr Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:



قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ، قُلْ لِي فِي الْإِسْلَامِ قَوْلًا لَا
أَسْأَلُ عَنْهُ أَحَدًا غَيْرَكَ؛ قَالَ: قُلْ آمَنْتُ بِاللَّهِ ثُمَّ
اسْتَقِمْ

"Aku pernah bertanya: Wahai Rasulullah, katakan kepadaku satu perkataan dalam islam yang aku tidak akan bertanya lagi kepada orang lain selain Engkau. Nabi SAW menjawab : katakanlah aku telah beriman kepada Allah dan kemudian istiqamalah"

(Riwayat Muslim).

Mengakhiri khutbah minggu ini, khatib ingin berpesan dan menyeru agar kita mengambil pengajaran seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa tujuan hidup di dunia ini adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah dan seterusnya mendapat ganjaran syurga di akhirat kelak.
2. Umat Islam hendaklah sentiasa bermuhasabah dan berazam untuk melakukan penambahbaikan setiap masa dan bukannya ketika tahun baharu sahaja.
3. Umat Islam hendaklah sentiasa istiqamah dalam melakukan perkara-perkara kebaikan dan meninggalkan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
مَنْ عَمِلَ صَلِحًا فَلِنَفْسِهِ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا وَمَا رَبُّكَ بِظَلَمٍ

للعييد



"Sesiapa yang mengerjakan amal soleh maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang berbuat kejahanan maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri; dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hamba-Nya."

(Surah al-Fussilat : 46).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيِّمُ.
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيْمُ.

Rizal/Nurul

26.12.2018



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW.

Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَاءُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا
صَلُوْأْ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيماً.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدُّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ
الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّارَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَيَحْفَظِ وِقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ
سَلاَغُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ،
ابنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمْ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلاَغُورِ،
تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ، إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ



شَاهُ الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ
يَا ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا،
مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuatkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا^١
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ
يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
